



TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBINAAN
IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) MUALLIM, PERAK**

**15 OKTOBER 2025 | RABU
SLIM RIVER, PERAK**

<<< Saluti akan diberikan oleh Urusetia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kerana pada hari yang bermakna ini, kita dapat bersama-sama menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muallim, Perak.
2. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada YB Menteri Dalam Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, barisan pegawai kanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pasukan JKR Malaysia, serta pihak kontraktor atas komitmen padu dan dedikasi tinggi dalam memastikan kejayaan pelaksanaan projek penting ini.
3. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada hari ini mencerminkan semangat kebersamaan serta kesepaduan antara agensi dan masyarakat. Seperti yang sering saya tegaskan, kita bukan sekadar membina bangunan atau jalan, tetapi kita sedang membina masa depan dan harapan untuk sebuah Malaysia yang lebih maju, makmur dan bersatu padu.

LATAR BELAKANG PROJEK

Hadirin yang saya hormati,

4. Projek Pembinaan IPD Muallim ini adalah sebahagian daripada komitmen Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 untuk memperkukuh fungsi pusat kawalan utama bagi aktiviti keselamatan dan pentadbiran polis di daerah ini. Ia juga bertujuan meningkatkan imej daerah sebagai kawasan selamat, tersusun dan berdaya saing.
5. Dengan peruntukan sebanyak RM85 juta, projek ini dilaksanakan oleh JKR Malaysia melalui kaedah konvensional dalaman secara dua fasa, bermula pada 27 Disember 2017 dan siap sepenuhnya pada 30 Jun 2025. Sepanjang tempoh pelaksanaan, empat (4) Perakuan Siap Kerja Separa (CPO) telah dikeluarkan bagi memastikan operasi pentadbiran dan keselamatan IPD dapat dijalankan dengan lancar.
6. Projek ini turut menggunakan Sistem Binaan Berindustri (IBS) dengan skor melebihi 70%, sejajar dengan dasar Kerajaan untuk memperluas penggunaan teknologi moden dalam industri pembinaan. Kaedah ini bukan sahaja menjamin kecekapan dan

kualiti yang lebih tinggi, tetapi juga mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh asing serta memupuk amalan pembinaan yang lebih lestari dan kos efektif.

7. Dari segi kelestarian alam sekitar, reka bentuk projek ini turut menekankan aspek pembangunan hijau melalui penggunaan bahan binaan mesra alam, reka bentuk cekap tenaga, serta penyediaan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH). Pendekatan ini mencerminkan keprihatinan kerajaan terhadap tanggungjawab sosial dan kelestarian ekosistem negara.

MANFAAT DAN IMPAK STRATEGIK

Hadirin sekalian,

8. Projek ini dibangunkan di kawasan seluas 28.02 ekar, merangkumi bangunan pentadbiran utama, kuarters kediaman, serta kemudahan infrastruktur sokongan. Reka bentuk yang bersepadu ini memberi kelebihan dari segi command and control, sekali gus memperkukuh tahap keselamatan dan kecekapan operasi di daerah Muallim.

9. Dengan siapnya IPD Muallim ini, ia bukan sekadar mercu tanda baharu daerah, tetapi juga simbol keyakinan rakyat terhadap profesionalisme dan kredibiliti Polis Diraja Malaysia (PDRM). Projek ini membuktikan bahawa isu keselamatan awam sentiasa menjadi keutamaan kerajaan, kerana keamanan adalah asas kepada kemajuan.
10. IPD ini juga akan menjadi nadi komuniti setempat, bukan sahaja dalam aspek keselamatan, tetapi juga sebagai pemangkin kepada aktiviti sosial dan ekonomi tempatan. Infrastruktur moden ini membuka ruang kepada hubungan yang lebih erat antara masyarakat dan pihak berkuasa, menjadikan daerah Muallim lebih progresif dan inklusif.
11. Inilah manifestasi sebenar kepada prinsip Malaysia MADANI — membina bukan semata-mata untuk fungsi fizikal, tetapi untuk memperkasa kesejahteraan rakyat, mengukuhkan perpaduan, dan menutup jurang pembangunan.

KOMITMEN KEMENTERIAN KERJA RAYA

12. Kementerian Kerja Raya (KKR) akan terus komited untuk menyediakan infrastruktur awam yang berkualiti tinggi, berdaya

tahan, inklusif dan berimpak besar kepada rakyat.

13. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan kepada JKR Malaysia atas kecekapan, integriti dan profesionalisme dalam melaksanakan projek ini hingga berjaya disiapkan dengan cemerlang.

14. KKR akan terus memberi tumpuan terhadap projek-projek strategik berimpak tinggi, yang bukan sahaja memenuhi keperluan rakyat, tetapi turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang mampan dan seimbang.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati,

15. Sepanjang tempoh pelaksanaan, pelbagai cabaran telah dihadapi, termasuk gangguan semasa pandemik COVID-19 yang menjejaskan jadual kerja dan rantai bekalan. Namun, berkat kerjasama erat antara semua pihak, projek ini berjaya disempurnakan dengan jayanya.

16. Kejayaan sesuatu projek bukan hanya diukur melalui struktur yang berdiri megah, tetapi pada manfaat yang dirasakan oleh rakyat — kemudahan yang dinikmati, keyakinan yang meningkat, dan peluang yang terhasil daripadanya.
17. Justeru, kejayaan Projek Pembinaan IPD Muallim ini membuktikan bahawa apabila kerajaan, agensi pelaksana, kontraktor, dan komuniti berganding bahu — tiada yang mustahil untuk dicapai.
18. Dengan penuh rasa bangga, saya mengumumkan bahawa Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muallim, Perak telah berjaya disiapkan dan diserahkan dengan sempurna. Semoga kemudahan ini menjadi pemangkin kepada kemajuan dan kesejahteraan masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.